



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**PROGRAM LAMAN WANITA (LaWa) NEGERI CIK SITI WAN  
KEMBANG SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA  
TAHUN 2024**

**LAMAN WANITA KOTA BAHRU, KELANTAN  
19 FEBRUARI 2024 (ISNIN) / 4:00 PETANG – 5:30 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Malaysia MADANI

**(SALUTASI)**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizininannya-NYA, kita semua dapat bersama-sama bertemu dan berkumpul dalam **Program Laman Wanita (LaWa) Negeri Cik Siti Wan Kembang Bersempena Dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024** anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini kerana kehadiran puan-puan dan tuan-tuan **membuktikan** komitmen yang teguh untuk **sentiasa menyokong agenda pemerkasaan wanita.**

**(B) LAMAN WANITA**

Hadirin yang saya muliakan,

3. LaWa merupakan **pusat aktiviti setempat** yang melaksanakan pelbagai **program dan aktiviti pemerksaan wanita** melalui aspek **peningkatan kemahiran asas**. LaWa memberi **pendedahan kepada ilmu pembangunan psikososial** yang merupakan elemen penting dari sudut pembangunan kapasiti wanita dan pengukuhan kesejahteraan wanita untuk diketengahkan **bakat dan potensi** ke peringkat yang lebih tinggi.
4. Antara objektif inisiatif LaWa adalah **meningkatkan kadar penyertaan wanita** dalam ekonomi melalui penawaran program kemahiran bagi membantu **wanita menjana**

**pendapatan untuk diri sendiri** dan juga **keluarga**. Hal ini adalah selaras dengan inspirasi Ekonomi Madani untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60 peratus selain LaWa juga berperanan sebagai **pusat setempat** yang membolehkan wanita mewujudkan **jaringan sosial dan pusat maklumat asas** tentang pelbagai isu wanita. Kesemua program dan aktiviti ini amat bertepatan dan menyokong **aspirasi pemerkasaan wanita** seiring **dengan fokus** Kerajaan melalui **Rancangan Malaysia Ke-12**.

5. LaWA juga turut melaksanakan **perluasan kolaborasi strategik** bersama-sama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, (KWSP), agensi-agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kerjasama sebegini dapat **meningkatkan keberkesanan dan memperluas kebolehcapaian perkhidmatan kepada wanita.**
6. Secara keseluruhannya, pada masa ini, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai **14 buah LaWa di tujuh buah negeri** iaitu Pulau Pinang, Kedah, Negeri

Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan. Secara khususnya, di **Kelantan** **terdapat dua buah LaWa, iaitu di Kota Baharu dan di Tanah Merah.**

7. Sepanjang tahun 2023, **sebanyak 152 program dilaksanakan oleh PPWN Kelantan yang sentiasa mendapat sambutan baik daripada komuniti** dalam kalangan ibu tunggal dan suri rumah. Antaranya program kemahiran industri makanan seperti produk pastri, penghasilan biskut dan kuih tradisional, program seni jahitan pakaian dan



jahitan kreatif yang juga membantu peserta menjana dan meraih pendapatan.

### **(C) KISAH KEJAYAAN WANITA HASIL PENYERTAAN PROGRAM DI LAWA**

8. Pada petang yang indah dan berbahagia ini, izinkan saya berkongsi kisah kejayaan beberapa orang wanita, hasil penyertaan mereka dalam program yang dilaksanakan di LaWa. Saya yakin bahawa kisah yang akan saya perengarkan ini dapat menjentik dan menggerakkan semangat hadirin sekalian, khususnya wanita untuk

meningkatkan kesejahteraan hidup melalui penjaan pendapatan.

9. Pada tahun 2020, di bawah Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia Cawangan Kelantan, **Puan Zalridah binti Hashim** telah berjaya menempatkan **produk batiknya di Pusat Inovasi Kraf Batik**. Kini, bukan sahaja berkerjaya sebagai **pengusaha produk kraf batik, malahan beliau merupakan tenaga pengajar dalam bidang kraf tangan produk batik**. Dengan menggunakan platform media sosial seperti *Myshop Kraf Tangan, Facebook* dan lain-lain sebagai

medium promosi, produk yang dihasilkan oleh Puan Zalridah, berjaya menembusi pasaran luar dari negeri Kelantan. **Syabas diucapkan kepada Puan Zalridah!** Ayuh, kita berikan tepukan gemuruh kepada beliau.

10. Untuk makluman hadirin sekalian, saya juga dimaklumkan bahawa Puan Zalridah tidak jemu mengikuti program kemahiran yang dianjurkan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Kelantan kerana beliau tidak mahu ketinggalan memperoleh ilmu baharu. Kita bertuah pada majlis ini kerana Puan Zalridah turut bersama-sama dengan

kita, **mempamerkan hasil produk batik di reruai pameran yang disediakan.** Syabas dan berikan tepukan kepada beliau.

**11.** Kisah kedua yang ingin saya bawakan di sini, tidak kurang menarik juga. Kelas masakan **kuih Kaswi “Gedik”, Karipap Pusing, “Kanom Piak Phoon”** atau **“Thai Pandan Pudding”** dan **juga pembuatan pastri, antara kelas masakan Puan Suhartini binti Yakub** yang sering mendapat perhatian kaum ibu di sini. Siapakah Puan Suhartini yang saya sebutkan ini? Beliau antara peserta LaWa yang berjaya **menghasilkan**

**produk makanan sejuk beku (*frozen food*)** dan juga salah seorang tenaga pengajar kelas masakan anjuran PPWN Kelantan. Beliau kini mempunyai **empat orang pekerja** bagi membantu memenuhi permintaan yang tinggi terhadap *frozen food* beliau dari dalam dan luar negeri Kelantan. Puan Suhartini turut diundang untuk bersama-sama dengan kita pada hari ini, sebagai **tenaga pengajar bagi Sesi Demonstrasi Kuih Tradisional Kelantan, iaitu Lepat Ubi dan Tepung Bungkus.**

**12.** Kisah kejayaan seterusnya yang ingin saya kongsi adalah **kisah kejayaan Puan Zainab binti Mahmud**. Puan Zainab merupakan seorang peserta program yang dianjurkan oleh PPWN Kelantan, yang berjaya dicungkil bakatnya. Beliau yang pada peringkat awalnya, menyertai kelas jahitan langsir di LaWa Kota Bharu turut menunjukkan kecenderungan dan minat yang tinggi dalam bidang masakan. Justeru, PPWN Kelantan mempelawa Puan Zainab untuk menyertai kelas masakan bagi meningkatkan lagi tahap kemahirannya. Kini, Puan Zainab merupakan pengusaha perkhidmatan katering dan sering menerima

tempahan penyediaan makanan. Sekali lagi kita amat bertuah kerana Puan Zainab yang kisahnya saya sampaikan sebentar tadi, **juga terlibat menyediakan menu Laksa dan Laksam secara bergotong-royong dengan Ahli Skwad Waja.**

13. Saya berharap dengan pengisahan kejayaan tiga orang peserta tadi berupaya menyuntik semangat dan menjadi pencetus keazaman dalam diri hadirin sekalian khasnya kaum wanita di sini, untuk mencungkil bakat, mengembangkan potensi dan meningkatkan kemahiran

sedia ada, demi kelangsungan hidup dan penajanaan pendapatan.

Hadirin yang saya muliakan,

- 14.** Peranan wanita amat penting dalam arus pembangunan negara. Justeru, **penampilan yang sihat, ceria dan positif perlu sentiasa dititikberatkan.** Bagi memenuhi keperluan ini juga, LaWa turut menganjurkan **program advokasi dan kesedaran** yang merangkumi pelbagai aspek seperti menangani **keganasan dan diskriminasi** terhadap wanita



antaranya **antigangguan seksual, literasi perundangan dan hak wanita** serta meningkatkan **daya tahan dan psikologi wanita**. Pada tahun 2023, sebanyak **5,507 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan** berlaku di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 414 kes dilaporkan di Negeri Kelantan. Dengan perkongsian maklumat ini para peserta dapat melaksanakan peranan masing-masing dengan menghebahkan maklumat yang diperolehi kepada keluarga, kejiwaan serta masyarakat setempat. Lantaran itu, masyarakat di Negeri Kelantan akan lebih cakna dan sedar akan kepentingan melindungi

wanita daripada segala bentuk keganasan termasuklah keganasan rumah tangga.

#### **(D) SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2024**

Hadirin yang saya muliakan,

- 15.** Suka saya mengambil kesempatan pada ruang ini untuk mengumumkan bahawa KPWKM telah memilih tema **“Wanita Dijulang, Negara Gemilang”** sebagai tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2024. Tema ini

memberikan penekanan akan pentingnya usaha memartabatkan wanita bagi mewujudkan budaya inklusif dan kesaksamaan gender pada semua peringkat. Sumbangan wanita merupakan pemangkin kepada kecemerlangan negara, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

**(E) HARAPAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

**16.** Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan **ucapan syabas dan penghargaan** kepada Jabatan Pembangunan Wanita dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program pemerksaan wanita sehingga kini. Saya **menyeru** supaya wanita terus mengambil langkah proaktif dan memanfaatkan sepenuhnya LaWa bagi **memastikan golongan wanita berjaya berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada orang lain, mengetahui hak-hak wanita serta mendayaupayakan potensi supaya mampu bangkit**

**mengatasi cabaran untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik.**

**17. Semoga Laman Wanita akan sentiasa melakar kejayaan dan terus menyumbang kepada impak positif** dalam usaha memperkasakan **wanita**. Dengan kejayaan ini, kita **boleh menjayakan agenda Ekonomi MADANI** bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan seterusnya menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

*Cari sarapan yang beraneka*

*Makan Roti Titab di “Kopitiam Kita”*

*Bidang meniaga wanita teroka*

*Jana pendapatan untuk keluarga*

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**19 Februari 2024**